

Prospek menggalakkan untuk perniagaan internet

Isu

SH 08/04/08 pg. 16
KUALA TERENGGANU- Perniagaan melalui internet wajar diceburi peniaga dan ia turut seiring dengan perkembangan teknologi maklumat (IT) yang pesat di seluruh dunia termasuk Terengganu sendiri.

Ketua Jabatan Pengurusan dan Pemasaran Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd Shaladdin Muda berkata, perniagaan internet mampu memberi lebih banyak peluang kepada peniaga.

"Walau di mana juga pelanggan dan pengguna berada, mereka boleh melihat produk

dan perkhidmatan yang ditawarkan dengan hanya mengakses internet," ujarnya kepada **Sinar Harian** semalam.

Katanya, kurangnya pendedahan dan maklumat terhadap cabang perniagaan baru ini menyebabkan ia tidak mendapat sambutan terutama bagi mereka yang tidak 'mengenali' internet.

"Oleh itu, usahawan yang berjaya dalam bidang ini perlu mengadakan bengkel atau seminar kepada peniaga yang baru berjinak-jinak dengan perniagaan ini," katanya.



DR. MOHD SHALADDIN MUDA